



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**MAJLIS PRA PELANCARAN /SOFTLAUNCH  
FLORIA DIRAJA PUTRAJAYA 2022  
ANJUNG FLORIA PRESINT 4 PUTRAJAYA**

**KHAMIS 21 JULAI 2022**

**ANJUNG FLORIA PRESINT 4 PUTRAJAYA**

**5.30 PETANG**

**Assalammualaikum WBT dan salam sejahtera.**

- 1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya rafakkan ke hadrat Allah SWT kerana atas izinNya juga, dapat kita berhimpun pada Majlis Pra Pelancaran FLORIA Diraja Putrajaya 2022 ini.**
- 2. Bermula 29 Ogos sehingga 4 September ini, Putrajaya sekali lagi diwarnai dengan kemeriahan pameran bunga-bungaan dan taman bertaraf antarabangsa yang kini tersenarai sebagai antara acara pelancongan utama di dalam kalender negara.**
- 3. Penganjuran kali ke-12 ini membawa tema “FLORIA Hebat” atau ‘Awesome FLORIA’ di mana bunga Orkid dipilih sebagai bunga tema festival. Saya yakin festival ini mampu mengembalikan keceriaan kepada masyarakat yang merindui warna-warni FLORIA selama dua tahun disebabkan pandemik.**
- 4. Penganjuran FLORIA Diraja Putrajaya amat bertepatan dengan matlamat perancangan dan pembangunan pusat pentadbiran kerajaan persekutuan ini sebagai “*intelligent garden city*” yang menggabungkan elemen moden dan alam semulajadi serta dihiasi dengan kepelbagaian flora yang berwarna-warni yang terdapat di negara ini.**
- 5. Festival ini akan mempamerkan lebih kurang 400,000 bunga-bungaan serta tumbuh-tumbuhan pelbagai spesis dan warna dari dalam dan luar negara, termasuk 10,000 pokok orkid, malah sebanyak 50 ruang perniagaan berkonsepkan ‘Garden Bazaar turut disediakan sepanjang 7 hari festival berlangsung.**
- 6. Saya difahamkan bahawa festival kali ini diwarnai dengan penyertaan dua agensi korporat dan swasta, tujuh jabatan dan agensi kerajaan, empat persatuan dan pengusaha bunga, lebih 20 sekolah rendah dan menengah di Putrajaya, 15**

universiti dan institusi pengajian tinggi tempatan serta lapan penyertaan antarabangsa yang didatangkan khas dari pelbagai negara iaitu Singapura, China, Indonesia, Korea, Thailand, Taiwan, Jerman dan New Zealand.

7. Antara tarikan utama adalah *Red Carpet* atau *Sky Walk* yang menjadi laluan utama ke FLORIA, Gemerlapan FLORIA, Clock Meadow, *Wall of Orchids*, Taman ‘Glow in the Dark’, Floral Pavilion serta VIP Orchid Showcase dan pelbagai lagi. Berdasarkan populariti program LAMPU anjuran Perbadanan Putrajaya, Gemerlapan FLORIA akan membawa satu pengalaman baru di Anjung Floria dengan beberapa laluan dan tapak dihujani limpahan cahaya berwarna-warni selama tujuh hari. Pencahayaan FLORIA ini dijangka akan menarik lebih ramai pengunjung melawat FLORIA pada sebelah malam.
8. Diharapkan agar festival ini dapat dijadikan platform untuk mendidik masyarakat supaya lebih menghargai alam sekitar dan memastikan setiap landskap terutamanya yang dibina oleh pihak berkuasa tempatan, serta warisan sumber hutan tropika dijaga bagi kepentingan generasi akan datang.
9. Negara kita sememangnya teramat kaya dengan sumber flora yang seharusnya dibangunkan lagi dan dimanfaatkan secara lestari. Pemeliharaan alam sekitar adalah amat penting dan perlu diutamakan agendanya bukan sahaja di Putrajaya bahkan juga di seluruh negara.
10. Akhir kata, dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim* saya dengan ini melancarkan Festival Bunga dan Taman Diraja Putrajaya 2022 atau FLORIA Diraja Putrajaya 2022.

**Sekian, Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum WBT**